



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**11 April 2020**

### **GANGGUAN MINIMUM PERKHIDMATAN INTERNET DISEBABKAN KEROSAKAN KABEL DASAR LAUT**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah dimaklumkan oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) berhubung kerosakan terhadap salah satu segmen kabel dasar laut Asia Pacific Cable Network 2 (APCN2) yang menghubungkan Chongming, China dan Lantau, Hong Kong (segmen 3).

Sistem kabel dasar laut APCN2 ini yang menghubungkan Malaysia ke Singapura, Hong Kong dan Amerika Syarikat adalah salah satu daripada 14 sistem kabel dasar laut yang disertai oleh TM di seluruh dunia.

Sementara pihak konsortium yang menyenggara APCN2 mengenal pasti lokasi kerosakan untuk kerja baik pulih, TM telah mengambil langkah pantas yang sewajarnya bagi penyuraian aliran trafik yang terjejas melalui rangkaian kabel dasar laut lain miliknya agar impak ke atas pengguna dapat dikurangkan. Di samping itu, TM juga telah mengaktifkan kapasiti tambahan melalui sistem kabel dasar laut Cahaya Malaysia yang menghubungkan trafik antarabangsa Malaysia ke Jepun.

Berikutan insiden tersebut, pengguna internet di Malaysia telah mengalami gangguan minimum sahaja kerana terdapat jaringan kabel dasar laut lain yang boleh digunakan untuk menyalurkan trafik internet, sekiranya diperlukan.

Selain itu, nama besar seperti Akamai Technologies, Amazon.com, Facebook Inc., Google Inc. dan Microsoft MSN serta beberapa lagi penyedia kandungan antarabangsa telah membuat sambungan 'peering' di Malaysia *Internet Exchange Malaysia (MyIX)* di samping menyediakan pelayan 'cache' di rangkaian penyedia perkhidmatan Internet tempatan. Oleh itu, kandungan-kandungan ini masih lagi boleh dicapai oleh pengguna internet tempatan tanpa gangguan.

TM juga memberi jaminan untuk melaksanakan semua langkah yang perlu bagi mengurangkan impak gangguan perkhidmatan kepada pengguna.

MCMC akan terus memantau situasi ini bagi memastikan perkhidmatan internet kepada pengguna tidak mengalami sebarang implikasi yang serius khususnya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berlangsung. Kebergantungan masyarakat terhadap perkhidmatan jalur lebar pada ketika ini adalah amat penting terutamanya kepada sektor perniagaan, perkhidmatan malah pendidikan yang kini turut menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian.

-Tamat-

---

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) atau hubungi Jabatan Komunikasi Korporat:

Kamalavacini Ramanathan  
Pengarah  
Tel: +6010-2251073

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah  
Tel: +6012-2995027

Mohd Faizal Azizan  
Timbalan Pengarah  
Tel: +6011-2828 6745

